

## Mahal tiga kali ganda

**Kuantan:** Harga bawang India yang naik tiga kali ganda daripada RM4 satu kilogram (kg) kepada RM12 menyebabkan ramai pengguna mengeluh.

Pengusaha restoran dan kedai menjual makanan turut terjejas akibat kenaikan harga itu kerana bawang India adalah bahan utama dalam proses penyediaan makanan.


Suri rumah, Fauziah Ali, 69 dari Bukit Setongkol berkata, kenaikan harga bawang India kepada RM12 satu kg amat mengejutkan.

"Kenaikan itu tidak munasabah dan pihak berkuasa perlu bertindak segera bagi memastikan harga barang keperluan itu kembali stabil," katanya.

Sementara itu, peniaga makanan, Hamidah Jamaluddin, 45, meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melakukan pemantauan di semua premis perniagaan.

"Tindakan itu bagi memastikan peniaga atau pihak tertentu tidak mengambil kesempatan menaikkan harga, kerana bawang menjadi pilihan utama pengguna," katanya.

Berdasarkan tinjauan di Pasar Besar Kuantan, di sini, semalam mendapati semua peniaga menjual bawang India pada harga RM12 satu kg sejak dua bulan lalu berikutan kekurangan bekalan.



SURI rumah memilih pelbagai jenis bawang di sebuah pasar raya besar di Kuala Terengganu.